

AUTORITI PRESKRIPITIF AL-QURAN DALAM PEMBUKTIAN SYARIAH: TINJAUAN TERHADAP PENGAKUAN, KETERANGAN SAKSI DAN SUMPAH

THE PRESCRIPTIVE AUTHORITY OF THE HOLY QUR'AN IN SYARIAH EVIDENCE: A STUDY ON CONFESSION, WITNESS TESTIMONY, AND OATH

^{i,ii,*}Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ^{i,ii}Hasnizam Hashim, ⁱBaidar Mohammed Mohammed Hassan, ⁱMualimin Mochammad Sahid, ^{i,ii,iii,iv}Ahmad Syukran Baharuddin, ^{i,ii}Zulfaqr Mamat, ^{i,ii}Mohamad Aniq Aiman Alias & ^vNorma Jusof

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱInternational Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

^{iv}Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

^vKementerian Pendidikan Malaysia

*Corresponding Author: wanfattah@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 4 February 2025

Received in revised form: 28 May 2025

Acceptance date: 24 June 2025

Available online: 16 July 2025

Keywords:

Authority, prescriptive, confession, witness, oath, means of proof, autoriti, preskriptif, pengakuan, saksi, sumpah, kaedah pembuktian

Funding:

This research did not receive any specific grant from funding agencies in the public, commercial, or non-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Wan Ismail, W. A. F., Hashim, H., Mohammed Hassan, M. B., Mochammad Sahid, M., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Alias, M. A. A., & Jusof, N. (2025). Autoriti preskriptif al-quran dalam pembuktian Syariah: Tinjauan terhadap pengakuan, keterangan saksi dan sumpah: The prescriptive authority of the holy Qur'an in Syariah evidence: A study on confession, witness testimony, and oath. *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 2(1), 63-71.

<https://doi.org/10.33102/zhsqp019>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

SDG Elements:

Peace, Justice and Strong Institutions



ABSTRACT

The Qur'an is the primary source of Islamic law and holds prescriptive authority in establishing principles and methods of evidence within the Syariah judicial system. This paper focuses on three main evidentiary mechanisms as outlined in the Qur'an: confession (*iqrār*), witness testimony (*shahādah*), and oath (*al-yamīn*). These three instruments are unanimously accepted by scholars and serve as vital means for upholding justice and truth according to Syariah. The main objective of this paper is to critically assess the Qur'anic provisions concerning these evidentiary methods and evaluate their relevance within the practice of Syariah courts in Malaysia. The study employs content analysis of Qur'anic verses, complemented by classical interpretations and a comparison with existing Syariah evidence laws. The findings demonstrate that the Qur'an provides clear and authoritative guidelines for evidence, with specific conditions aimed at ensuring justice and preventing injustice. Confessions must be given voluntarily, witnesses must be trustworthy and of upright character, while oaths function as a complementary measure when other evidence is lacking. This study affirms the effectiveness and coherence of Qur'an-based evidentiary principles in contemporary legal contexts, aligning with Sustainable Development Goal 16, which emphasizes the importance of just, accountable, and inclusive legal systems to ensure justice for all.

Abstrak

Al-Quran merupakan sumber utama perundangan Islam yang memiliki autoriti preskriptif dalam menetapkan prinsip dan kaedah pembuktian dalam sistem kehakiman Syariah. Penulisan ini menumpukan perhatian terhadap tiga mekanisme pembuktian utama sebagaimana diperuntukkan dalam Al-Quran, iaitu pengakuan (*ikrar*), keterangan saksi (*syahadah*) dan sumpah (*al-yamin*). Ketiga-tiga instrumen ini merupakan kaedah pembuktian yang disepakati ulamak dan merupakan wasilah penting dalam menegakkan keadilan dan kebenaran menurut hukum Syariah. Matlamat utama penulisan ini adalah untuk menilai ketetapan Al-Quran secara kritikal terhadap kaedah pembuktian tersebut serta relevan pemakaiannya dalam amalan Mahkamah Syariah di Malaysia. Penulisan ini dilaksanakan melalui metode analisis kandungan terhadap nas-nas Al-Quran, ditambah dengan pentafsiran ulama dan perbandingan dengan peruntukan undang-undang keterangan Syariah sedia ada. Dapatan menunjukkan bahawa Al-Quran menetapkan garis panduan pembuktian secara jelas dan berautoriti dengan syarat-syarat tertentu bagi menjamin keadilan serta mengelakkan kezaliman. Pengakuan mestilah dilakukan tanpa paksaan, saksi perlu bersifat adil dan berintegriti, manakala sumpah digunakan sebagai pelengkap apabila tiada keterangan lain yang mencukupi. Penulisan ini mengesahkan keberkesanan serta keselarasan prinsip pembuktian Syariah berasaskan Al-Quran dalam konteks perundangan kontemporari, selaras dengan matlamat SDG 16 yang menekankan keperluan kepada sistem perundangan yang adil, berintegriti dan inklusif bagi menjamin keadilan untuk semua.

Pengenalan

Al-Qur'an sebagai sumber utama perundangan Islam bukan sahaja menetapkan prinsip-prinsip umum keadilan, tetapi turut menyediakan kaedah pembuktian yang berautoriti dalam sistem kehakiman Syariah. Antara bentuk pembuktian utama yang diiktiraf adalah pengakuan (*ikrar*), keterangan saksi (*syahadah*), dan sumpah (*al-yamin*). Ketiga-tiga mekanisme ini bukan sahaja berlandaskan nas al-Qur'an dan hadis, bahkan digubal secara formal dalam undang-undang keterangan Syariah, khususnya melalui Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561].

Pengakuan atau ikrar diiktiraf sebagai bentuk pembuktian tertinggi kerana ia merupakan pengakuan sukarela oleh seseorang terhadap suatu hak atau kesalahan yang membabitkan dirinya sendiri (Wan Ismail, 2020). Ia menjimatkan masa mahkamah dan menghindari kezaliman, selagi syarat-syarat keabsahan syarie dipenuhi. Dalam hal ini, al-Qur'an menetapkan prinsip keadilan dan tanggungjawab peribadi yang tinggi, seperti dalam Surah al-Nisa' ayat 135.

Kesaksian pula menjadi asas kepada pembuktian dalam pelbagai kes melibatkan hak dan tanggungan. Al-Qur'an memberi garis panduan jelas berhubung kelayakan saksi, jumlah minimum saksi (*nisab*), serta jenis kes yang memerlukan kombinasi tertentu antara saksi lelaki dan wanita. Sementara itu, sumpah berperanan sebagai pelengkap pembuktian apabila keterangan lain tidak mencukupi, khususnya dalam pertikaian harta atau apabila tiada saksi. Ia dilafazkan dengan menyebut nama Allah SWT sebagai saksi, menjadikannya instrumen rohani dan perundangan yang kuat. Kesemua mekanisme ini mencerminkan autoriti preskriptif al-Qur'an dalam menjamin keadilan dan ketelusan dalam prosiding Syariah.

Kekuatan Pengakuan (*Ikrar*) menurut Perspektif Al-Qur'an sebagai Autoriti Pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan Syariah

Dalam konteks pembuktian menurut kerangka perundangan Syariah, *ikrar* (pengakuan) dianggap sebagai bentuk pembuktian yang tertinggi dan paling berautoriti. Bahkan sesetengah menganggap pengakuan sebagai 'Penghulu Kaedah Pembuktian' (*Sayyidul Adillah*). Kedudukannya yang istimewa ini berasaskan prinsip-prinsip preskriptif al-Quran dan diperkuatkan melalui sunnah Rasulullah SAW. Sekiranya seseorang tertuduh menafikan pertuduhan yang dikenakan terhadapnya, maka menjadi tanggungjawab pihak pendakwa untuk mengemukakan keterangan sokongan sama ada melalui saksi, dokumen atau bukti lain yang dibenarkan syarak (Ibn Qudamah, t.th.; al-Zaila'i, t.th.; Mahmud Saedon, 2003). Prinsip ini berasaskan kaedah fiqh yang disandarkan kepada sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Terjemahan: "Sesungguhnya keterangan perlu dikemukakan oleh pihak yang mendakwa (*mudda'i*), dan sumpah bagi pihak yang didakwa (*mudda'a alaih*)".

(Tarmizi, Hadis No. 1341)

Namun demikian, apabila tertuduh membuat pengakuan atau *ikrar*, maka proses pembuktian menjadi lebih ringkas dan jelas. Mahkamah tidak lagi memerlukan bukti tambahan untuk mensabitkan pertuduhan, kerana pengakuan yang dibuat secara sukarela telah memenuhi keperluan syarak untuk mensabitkan sesuatu hak, tanggungan atau kesalahan terhadap diri orang yang mengaku. Dalam hal ini, *ikrar* berperanan mempercepatkan proses penyelesaian kes, menjunjung prinsip keadilan dan menghindari kezaliman, seiring dengan kehendak hukum Islam yang menekankan kejelasan dan kejujuran dalam perbicaraan.

Menurut pandangan ulama klasik dan kontemporari, *ikrar* ditakrifkan sebagai satu bentuk pengakuan atau pemberitahuan yang dibuat oleh seseorang secara sukarela bagi mensabitkan suatu hak atau kewajipan pihak lain ke atas dirinya. Ia boleh dilafazkan melalui lisan, ditulis, dinyatakan melalui isyarat, atau dikemukakan melalui perwakilan. Secara asasnya, *ikrar* merupakan satu bentuk pengiktirafan terhadap sesuatu perbuatan, hak atau kesalahan yang mempunyai kesan perundangan ke atas orang yang membuat pengakuan tersebut (Ibn Qudamah, 1997; Al-Zaila'i, t.th.; Syarbini, 1994; Ibn Farhun, t.th.; Mahmud Saedon, 2003).

Sebagaimana yang dirumuskan oleh para fuqaha:

إِخْبَارُ الشَّخْصِ بِحَقِّ عَلَى نَفْسِهِ لِأَخَرٍ

Terjemahan: "Pengkhabaran seseorang tentang sesuatu hak pihak lain yang disabitkan ke atas dirinya sendiri".

Dalam kerangka pembuktian Syariah, pengakuan merupakan antara instrumen yang diiktiraf oleh al-Quran sebagai sumber autoritatif dalam menetapkan kebenaran sesuatu dakwaan. *Ikrar* merujuk kepada satu bentuk pengkhabaran atau pemberitahuan yang dibuat oleh seseorang kepada mahkamah mengenai sesuatu perbuatan yang telah dilakukan olehnya, sama ada secara sengaja atau tidak, melalui kaedah lisan, isyarat ataupun dokumen bertulis. Pengakuan ini sering kali melibatkan pengiktirafan terhadap pelanggaran hak individu lain, seperti mencuri, menipu, memfitnah atau mencederakan (Ibn Qudamah, t.th.; al-Zaila'i, t.th.; Mahmud Saedon, 2003).

Apabila seseorang secara sukarela mengaku di hadapan hakim bahawa dia telah melakukan suatu jenayah seperti pembunuhan, maka pengakuan tersebut menjadi keterangan yang mengikat dirinya, yang seterusnya membawa kepada akibat hukum seperti pelaksanaan hukuman qisas, sebat atau rejam, bergantung kepada jenis kesalahan yang diiktirafkan. Hal ini bertepatan dengan prinsip al-Quran yang menekankan keadilan dan tanggungjawab individu terhadap perbuatan mereka, sebagaimana difahami daripada pelbagai nas syarak berkaitan *ikrar* dan hukuman hudud atau qisas.

Perkara ini turut disokong oleh peruntukan Seksyen 17(1), Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], yang mentakrifkan *ikrar* sebagai suatu pengakuan nyata, sama ada secara tulisan, lisan atau isyarat, yang mengandungi pernyataan bahawa seseorang itu bertanggungjawab atau mempunyai tanggungan terhadap individu lain berhubung sesuatu hak tertentu. Dalam konteks undang-undang, *ikrar* membawa implikasi yang signifikan, kerana ia merupakan pengiktirafan sukarela terhadap kewajipan atau liabiliti yang lahir daripada suatu hubungan hak, dan ia boleh dijadikan asas pembuktian dalam prosiding Mahkamah Syariah.

Oleh itu, *ikrar* tidak boleh dianggap sebagai satu pengakuan biasa yang bersifat remeh. Sebaliknya, ia adalah satu bentuk keterangan yang mengikat dari segi undang-undang, apabila memenuhi syarat-syarat keabsahan menurut hukum syarak serta disahkan melalui peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Keabsahan dan kekuatan probatif pengakuan ini memperlihatkan autoriti preskriptif al-Quran yang menjadikan *ikrar* sebagai salah satu kaedah pembuktian utama dalam sistem keadilan Syariah.

Dalam kerangka pembuktian menurut hukum Syariah, para ulama telah bersepakat bahawa pengakuan (*ikrar*) merupakan suatu bentuk keterangan yang sah dan berautoriti, diterima sama ada dalam perkara yang melibatkan hak Allah SWT mahupun hak sesama manusia. *Ikrar* dianggap sebagai hujah yang kukuh kerana secara *tabii*, seseorang yang waras dan sedar tidak akan membuat pengakuan yang boleh memudaratkan dirinya sendiri, melainkan ia didorong oleh kebenaran. Ini kerana sesuatu *ikrar* lazimnya membawa implikasi undang-undang yang berat ke atas pengakuannya, termasuklah pelaksanaan

hukuman hudud seperti sebatan, hukuman *qisas*, hukuman penjara, bayaran pampasan dan lain-lain kesan perundangan yang ditetapkan oleh Syariah.

Kekuatan *ikrar* sebagai alat pembuktian turut disokong oleh prinsip preskriptif al-Quran. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 135 menegaskan kewajipan menegakkan keadilan dan bercakap benar, walaupun terhadap diri sendiri:

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri...”.

(Surah al-Nisa', 4:135)

Nas ini menunjukkan bahawa al-Quran bukan sekadar mengiktiraf pengakuan sebagai asas keadilan, bahkan menetapkan *ikrar* sebagai kewajipan moral dan hukum dalam proses kehakiman. Tambahan pula, pensyarian pengakuan turut diperkukuhkan melalui hadis-hadis sahih, antaranya hadis riwayat Muslim mengenai seorang lelaki yang mengaku telah berzina di hadapan Rasulullah SAW sebanyak empat kali. Setelah disahkan kewarasan dan status perkahwinannya, Rasulullah SAW memerintahkan supaya hukuman hudud dilaksanakan, menzahirkan prinsip bahawa *ikrar* yang sah dan cukup syarat berkuasa mensabitkan kesalahan secara langsung, tanpa keperluan bukti sokongan lain (Al-Shirazi, 1995). Hadith yang dimaksudkan adalah:

Terjemahan: Seorang lelaki dari kaum Muslimin datang menemui Rasulullah SAW ketika Baginda berada di masjid, lalu dia memanggil: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku telah melakukan zina”. Maka Rasulullah SAW berpaling daripadanya. Kemudian dia datang dari arah hadapan Baginda dan berkata lagi: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku telah berzina”. Baginda berpaling lagi daripadanya. Lelaki itu mengulangi perkara itu sebanyak empat kali. Maka setelah dia mengaku sebanyak empat kali, Rasulullah SAW memanggilnya dan bertanya: “Adakah kamu gila?” Dia menjawab: “Tidak”. Baginda bertanya lagi: “Adakah kamu sudah berkahwin?” Dia menjawab: “Ya”. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Bawalah dia dan rejamah dia”.

(Muslim, Hadis No. 1691)

Selaras dengan prinsip-prinsip ini, Seksyen 18(2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] memperuntukkan bahawa sesuatu pengakuan adalah boleh diterima sebagai alat pembuktian, dengan syarat ia memenuhi kriteria tertentu sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang. Sekiranya pengakuan itu dibuat di dalam Mahkamah, maka ia hendaklah dilafazkan di hadapan Hakim. Manakala bagi *ikrar* yang dibuat di luar Mahkamah, ia hendaklah diikrarkan di hadapan dua orang saksi lelaki yang berkelayakan, iaitu yang bersifat berakal, baligh dan adil.

Secara keseluruhannya, *ikrar* memiliki kedudukan istimewa dalam sistem pembuktian Syariah, didasarkan oleh autoriti preskriptif al-Quran dan disokong oleh nas-nas Hadis serta digubal dalam kerangka perundangan semasa. Hal ini menjadikan pengakuan sebagai satu mekanisme pembuktian yang kukuh, sah dan mengikat dalam pelbagai prosiding di Mahkamah Syariah.

Kekuatan Kesaksian (*Syahadah*) menurut Perspektif Al-Quran sebagai Sumber Autoritatif Pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan

Dalam kerangka pembuktian menurut undang-undang Syariah, kesaksian (*syahadah*) merupakan antara instrumen probatif yang mempunyai kedudukan tinggi dan diiktiraf secara menyeluruh oleh sumber-sumber utama hukum Islam. Para ulama telah memberikan pelbagai definisi terhadap konsep kesaksian. Namun secara ringkasnya, kesaksian boleh didefinisikan sebagai:

Terjemahan: “Suatu pemberitahuan oleh seseorang mengenai hak atau kepentingan milik orang lain dengan menggunakan lafaz “*Asyhadu*” yang membawa maksud “*Aku bersaksi*”.

(Abd al-Mutalib Abd Razak Hamdan, 2007)

Dari sudut perundangan, kesaksian telah dirumuskan secara jelas di bawah Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], yang mentakrifkan kesaksian sebagai:

“Apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz ‘*asyhadu*’ untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan”.

Takrif ini menunjukkan bahawa kesaksian bukan semata-mata satu bentuk pemberitahuan atau pengakuan, sebaliknya ia adalah bentuk keterangan rasmi yang mempunyai nilai undang-undang, apabila dilafazkan dengan syarat-syarat tertentu dalam konteks kehakiman. Ia digunakan secara langsung untuk membuktikan hak, kepentingan atau tanggungan di hadapan Mahkamah Syariah.

Dari perspektif autoriti preskriptif al-Qur'an, kedudukan kesaksian sangat signifikan dalam struktur pembuktian syariah. Al-Qur'an sendiri telah memberikan penekanan yang berulang terhadap prinsip kesaksian dalam pelbagai ayat, antaranya dalam Surah al-Baqarah dan al-Maidah, yang memperkukuh legitimasi serta keabsahan kaedah ini sebagai salah satu bentuk pembuktian yang utama. Maka, tidaklah menghairankan apabila kesaksian telah dijadikan sebagai sumber autoritatif dalam sistem kehakiman Islam sejak zaman Rasulullah SAW, diteruskan pada zaman para sahabat, dan kekal berfungsi sebagai salah satu mekanisme utama pembuktian sehingga hari ini (Al-Maraghi, 2001; Ibn Kathir, 1999; Al-Mawardi, t.th; Al-Zuhayli, 1985).

Pensabitan kesaksian sebagai kaedah pembuktian yang sah di sisi undang-undang Syariah tidak hanya bersandarkan kepada al-Qur'an semata-mata, bahkan turut diperkuat melalui dalil al-Sunnah serta ijmak para ulama (Ibn Qudamah, 1997; Al-Zaila'i t.th.; Al-Nawawi, 1996; Ibn Abidin, 2003). Salah satu nas *qati'e* yang menjadi asas kepada pensyariatian kesaksian dapat dirujuk kepada firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 283:

Terjemahan: “Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”.

(Surah Al-Baqarah, 2:283)

Ayat ini secara jelas menggariskan kewajipan moral dan hukum untuk menzahirkan keterangan saksi serta memberi amaran terhadap perbuatan menyembunyikan kebenaran. Ia mencerminkan bahawa al-Qur'an bukan sahaja memberikan autoriti terhadap kesaksian sebagai alat pembuktian, malah menetapkan tanggungjawab syarie kepada individu yang mempunyai pengetahuan terhadap sesuatu fakta atau hak, untuk mengemukakan kesaksiannya secara adil dan terbuka (Al-Jassas, 1994; Al-Qurtubi, 2006; Ibn Kathir, 2000; Al-Zuhayli, 2003).

Dalam kerangka pembuktian Syariah, al-Quran telah menetapkan prinsip-prinsip asas mengenai penerimaan kesaksian (*syahadah*) sebagai salah satu bentuk keterangan yang memiliki kekuatan probatif yang tinggi. Autoriti preskriptif al-Quran dalam hal ini jelas membuktikan bahawa keterangan melalui kesaksian merupakan instrumen penting dalam mensabitkan atau menolak sesuatu dakwaan, tanpa mengira bentuk kes sama ada melibatkan jenayah, muamalat, munakahat mahupun lain-lain bidang dalam lingkungan hukum Syariah.

Selaras dengan ketetapan nas dan ijtihad para fuqaha, para ulama telah bersepakat bahawa kesaksian hanya diterima apabila ia dikemukakan oleh saksi yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah diperincikan oleh hukum syarak. Prinsip ini turut diperundangkan melalui Seksyen 83(1) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], yang memperuntukkan bahawa seseorang saksi hendaklah seorang Islam, berakal, baligh, bersifat adil, memiliki daya ingatan yang baik serta bebas daripada sebarang bentuk kepentingan atau prasangka yang boleh menjejaskan kebolehpercayaannya.

Dengan kata lain, individu yang tidak memenuhi kelayakan tersebut—seperti orang bukan Islam, kanak-kanak yang belum baligh, atau individu yang tercemar reputasi dan integriti dirinya—tidak dianggap sebagai saksi yang kompeten dalam memberi keterangan melalui al-syahadah. Namun demikian, autoriti al-Quran yang meraikan keadilan turut membuka ruang kepada individu-individu ini untuk memberikan bentuk keterangan alternatif melalui bayinah, sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 83 subseksyen (2) hingga (7) akta yang sama. Ini memperlihatkan bahawa sistem pembuktian Syariah bukan sahaja bersifat preskriptif, tetapi juga inklusif dan fleksibel, selaras dengan maqasid Syariah yang menjunjung keadilan substantif dalam semua bentuk prosiding perundangan (Alias et al., 2024).

Oleh itu, autoriti preskriptif al-Qur'an terhadap institusi kesaksian bukan sahaja menetapkan prinsip asasnya, bahkan memberikan landasan normatif dan etika yang menjadi teras dalam amalan pembuktian Syariah. Dengan itu, kedudukan kesaksian kekal sebagai mekanisme utama yang sah dan berwibawa dalam sistem keadilan Syariah. Dalam kerangka pembuktian menurut undang-undang Syariah, keterangan kesaksian merupakan salah satu kaedah pembuktian yang diiktiraf, sepertimana pengakuan, dan boleh digunakan dalam semua jenis kes, sama ada bersifat sivil (mal) mahupun jenayah. Autoriti preskriptif al-Quran memperkukuh prinsip ini dengan menetapkan bahawa sesuatu tuntutan atau dakwaan tidak boleh diterima tanpa adanya sokongan pembuktian yang mencukupi, termasuklah kesaksian yang memenuhi syarat-syarat tertentu sebagaimana digariskan oleh hukum syarak.

Selain daripada syarat-syarat kelayakan saksi yang telah dijelaskan sebelumnya, elemen nisab turut memainkan peranan penting dalam menentukan kesahihan dan penerimaan sesuatu kesaksian. Nisab merujuk kepada kadar atau bilangan minimum saksi yang ditetapkan oleh syarak bagi tujuan pensabitan sesuatu dakwaan atau tuntutan. Penetapan nisab ini merangkumi bukan sahaja bilangan saksi, tetapi juga aspek jantina, sama ada saksi itu lelaki, perempuan, atau kombinasi kedua-duanya. Hal ini kerana tidak semua jenis kes membenarkan penerimaan kesaksian perempuan; terdapat kes yang secara eksklusif memerlukan kesaksian daripada lelaki, sementara dalam kes tertentu, kesaksian perempuan boleh diterima sama ada sebagai tambahan atau sebagai satu-satunya sumber kesaksian jika tiada saksi lelaki.

Jumhur ulama bersepakat bahawa bagi kes jenayah zina, nisab kesaksian adalah sangat ketat, iaitu empat orang saksi lelaki Islam yang berakal, baligh dan adil diperlukan bagi tujuan pensabitan. Dalam konteks ini, kesaksian perempuan tidak diterima sama sekali, walaupun mereka hadir dalam bilangan yang ramai (Al-Shirazi, 1995; Ibn Qudamah, 1997; Al-Kasani, t.th.). Ketetapan ini adalah selari dengan autoriti preskriptif al-Quran yang merumuskan syarat kesaksian secara jelas dalam kes zina. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nur, ayat 4 menegaskan:

Terjemahan: “Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik”.

(Surah al-Nur, 24:4)

Ayat ini menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja menetapkan keperluan kepada pembuktian melalui kesaksian, bahkan turut memperincikan nisab sebagai syarat sah sesuatu keterangan dalam kes-kes tertentu, sekali gus menggariskan peranan al-Quran sebagai sumber preskriptif utama dalam sistem pembuktian Syariah.

Selain itu juga, para ulama sepakat bahawa bagi kes-kes Hudud dan Qisas—kecuali kes zina—seperti qazaf, kecurian, rompakan, minum arak, murtad, dan kes qisas seperti pembunuhan, mestilah disaksikan sekurang-kurangnya oleh dua orang saksi lelaki yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan syarak (Al-Mawardi, 1996; Ibn Qudamah, 1997; Al-Sharbini, 1994; Al-Kasani, t.th., al-Zuhaili, 2003; Muatawalliy, t.th.). Ketetapan ini adalah selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 282:

Terjemahan: “Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu”.

(Surah Al-Baqarah, 2:282)

Ketetapan bilangan saksi turut diperincikan dalam kes-kes muamalat seperti jual beli, sewaan, gadaian, dan urusan-urusan yang melibatkan harta. Dalam hal ini, al-Quran menetapkan bahawa keterangan yang sah boleh dibentuk melalui seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan, atau seorang saksi lelaki yang disokong dengan sumpah plaintiff. Ketentuan ini diterima pakai oleh kesemua mazhab muktabar (Muatawalliy, t.th.). Perkara ini juga disandarkan kepada perintah Allah SWT dalam ayat yang sama:

Terjemahan: “Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi”.

(Surah Al-Baqarah, 2:282)

Sementara itu, bagi kes-kes tertentu yang melibatkan nisab seorang saksi sahaja yang disokong dengan sumpah plaintiff, sama ada lelaki atau perempuan, bentuk pembuktian ini tidak dinyatakan secara eksplisit dalam nas al-Quran. Namun, prinsip tersebut mendapat pengesahan daripada hadis-hadis sahih Rasulullah SAW, yang memperincikan bentuk keterangan berdasarkan jenis kes serta kemampuan mendapatkan saksi. Kesemua peruntukan ini mencerminkan autoriti preskriptif al-Quran dalam menentukan struktur dan piawaian keterangan kesaksian dalam undang-undang pembuktian Syariah, di samping menunjukkan bahawa aspek kuantiti saksi ditentukan secara tegas oleh nas, berdasarkan jenis tuntutan dan tahap keseriusan sesuatu kes.

Autoriti Sumpah (*Yamin*) sebagai Mekanisme Pembuktian berdasarkan Nas Al-Quran dalam Kerangka Undang-Undang Keterangan

Dalam sistem pembuktian Syariah, sumpah (*yamin*) diiktiraf sebagai salah satu instrumen pembuktian yang mempunyai nilai probatif, tertakluk kepada syarat dan kaedah yang ditentukan oleh hukum syarak. Sumpah terbahagi kepada dua bentuk utama, iaitu sumpah bukan kehakiman (*al-yamin ghair al-qadha'iyah*) yang berlaku di luar prosiding mahkamah, dan sumpah kehakiman (*al-yamin al-qadha'iyah*) yang dilafazkan dalam prosiding kehakiman di hadapan hakim. Sumpah bukan kehakiman tidak diterima sebagai bukti yang sah di sisi undang-undang kerana tidak memenuhi elemen pengawasan kehakiman dan tatacara sah sumpah di mahkamah. Sebaliknya, sumpah kehakiman mempunyai kedudukan yang kuat sebagai alat pembuktian apabila dilafazkan oleh pihak bersengketa dengan menyebut nama Allah SWT sebagai saksi terhadap kebenaran dakwaan atau penafian hak (Ibn Qudamah, 1985; Al-Kasani, 1986; Al-Nawawi, 2000; Al-Sarakhsi. 1993).

Dalam hal ini, autoriti preskriptif al-Quran memperakui pensyarian sumpah sebagai mekanisme pembuktian, seperti yang dibuktikan melalui ayat-ayat yang berkaitan dengan li'an, qasamah, dan sumpah dalam pertikaian harta. Hal ini menegaskan bahawa sumpah bukan sahaja berperanan sebagai alat pembuktian apabila keterangan lain tidak mencukupi, tetapi juga sebagai manifestasi hubungan langsung antara individu dan Allah SWT dalam menjamin keadilan dan kebenaran menurut kerangka undang-undang Syariah.

Dalam kerangka pembuktian Syariah, sumpah kehakiman merujuk kepada bentuk pengesahan atau penafian terhadap sesuatu hak yang dilakukan dengan menjadikan Allah SWT sebagai saksi, dan dilafazkan di hadapan hakim. Berbeza dengan keterangan melalui kesaksian yang bergantung kepada manusia sebagai saksi, sumpah kehakiman menuntut pelafaznya menyandarkan kebenaran kepada pengetahuan mutlak Allah SWT, yang Maha Mengetahui segala perkara zahir dan batin.

Perbezaan asas ini menonjolkan autoriti preskriptif al-Quran dalam membezakan bentuk pembuktian yang berasaskan ketundukan rohani terhadap ketuhanan, berbanding pengesahan fakta melalui pihak ketiga. Maka, sumpah kehakiman bukan sekadar bentuk keterangan, tetapi juga suatu ikrar bersifat kerohanian yang memperkukuh keabsahan tuntutan berdasarkan kejujuran di sisi Allah. Sekalipun sumpah merupakan kaedah pembuktian, namun ia tidak sekuat ikrar dan juga kesaksian. Kerana sumpah tidak boleh dijadikan kaedah pembuktian untuk semua kes, sebaliknya ia hanya untuk kes-kes yang tertentu sahaja.

Dalam kerangka perundangan Islam, sumpah (*yamīn*) diiktiraf sebagai salah satu mekanisme pembuktian yang sah dan berautoriti dalam penyelesaian pertikaian di mahkamah. Pensyariatan sumpah dapat ditelusuri melalui dua sumber utama, iaitu nas yang bersifat umum mengenai sumpah, dan nas yang secara khusus merujuk kepada penggunaannya dalam proses kehakiman (*al-yamīn al-qaḍā'īyyah*). Antara dalil-dalil umum yang menunjukkan keabsahan sumpah sebagai perbuatan syarie ialah firman Allah SWT dalam Surah al-Mā'idah ayat 89:

Terjemahan: “Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh”.

(Surah Al-Ma'idah, 5:89)

Ayat ini menunjukkan bahawa sumpah yang dilafazkan secara bersungguh-sungguh membawa implikasi hukum, dan perlu dipelihara kesuciannya sebagaimana ditegaskan dalam ayat yang sama:

Terjemahan: “Dan jagalah – peliharalah sumpah kamu”.

(Surah Al-Maidah, 5:89)

Dalam konteks pembuktian syariah, dalil-dalil yang lebih spesifik tentang pensyariatan sumpah kehakiman sebagai instrumen pembuktian terkandung dalam hadis-hadis sahih tidak dinyatakan secara khusus di dalam al-Quran. Antaranya sabda Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Muslim:

Terjemahan: “Sekiranya setiap dakwaan diterima begitu sahaja, nescaya akan ada orang yang menuntut darah dan harta orang lain tanpa bukti. Maka beban pembuktian terletak pada pihak pendakwa, manakala sumpah dikenakan ke atas pihak yang menafikan”.

(Muslim, Hadis No. 1711)

Begitu juga dengan hadis yang menyebut secara jelas kaedah pembuktian dua hala:

Terjemahan: “Sesungguhnya keterangan perlu dikemukakan oleh pihak yang mendakwa (*mudda'i*), dan sumpah bagi pihak yang didakwa (*mudda'a alaih*)”.

(Tarmizi, No. 1341)

Hadis-hadis ini memperlihatkan bahawa sumpah bukan sahaja merupakan bentuk ketaatan dalam ibadah, bahkan berfungsi sebagai alat autoritatif dalam menentukan kebenaran di sisi undang-undang syariah apabila keterangan saksi tidak dapat dibawa. Maka, dalam situasi tertentu, sumpah menjadi pengimbang kepada tuntutan dan penafian, dan memberi kesan langsung terhadap keputusan kehakiman. Kesemua nas ini — sama ada berbentuk ayat al-Quran yang umum atau hadis yang khusus — memperkukuhkan autoriti preskriptif al-Quran dalam mengesahkan sumpah sebagai kaedah pembuktian syariah yang diiktiraf. Ia menegaskan bahawa sistem kehakiman Islam dibina atas prinsip keseimbangan antara dakwaan, bukti dan sumpah, selaras dengan kehendak nas yang sahih dan *maqasid* keadilan.

Dalam Seksyen 87 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] memperuntukkan prinsip asas berkaitan tatacara pembuktian dalam kes mal dan jenayah menurut Hukum Syarak. Subseksyen (1) menetapkan bahawa dalam kes mal, kedua-dua pihak iaitu plaintif dan *Mudda'a Alaih* (defendan) hendaklah mengemukakan keterangan. Sekiranya defendan menafikan dakwaan terhadapnya, beliau diwajibkan mengangkat sumpah mengikut ketetapan Hukum Syarak. Subseksyen (2)(a) memperjelas bahawa jika *Mudda'a Alaih* bersumpah menafikan dakwaan tersebut, maka tuntutan plaintif hendaklah ditolak. Sebaliknya, subseksyen (2)(b) memperuntukkan bahawa jika *Mudda'a Alaih* enggan bersumpah, Mahkamah boleh menawarkan sumpah tersebut kepada plaintif. Dengan sumpah plaintif, tuntutan yang dikemukakannya boleh diterima.

Manakala dalam seksyen yang sama, Subseksyen (3) menyentuh kes jenayah, di mana pihak pendakwaan dan tertuduh diwajibkan mengemukakan keterangan, kecuali jika tertuduh membuat pengakuan salah terhadap pertuduhan yang dikenakan. Peruntukan ini mencerminkan prinsip keadilan Islam dengan menekankan elemen sumpah sebagai alat pembuktian yang sah, selaras dengan kaedah pembuktian yang diperuntukkan oleh Hukum Syarak yang menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama.

Kesimpulan

Sebagai penutup, dapat disimpulkan bahawa al-Quran merupakan sumber autoritatif dan preskriptif tertinggi dalam menetapkan prinsip-prinsip pembuktian dalam sistem perundangan Syariah. Ketiga-tiga bentuk utama pembuktian iaitu pengakuan (*ikrar*), keterangan saksi (*syahadah*) dan sumpah (*yamin*) memiliki asas yang kukuh dalam nas al-Quran, sama ada secara langsung mahupun melalui penegasan prinsip-prinsip asas keadilan dan kebenaran. Ketetapan berhubung syarat, bilangan, serta kelayakan pihak yang terlibat dalam proses pembuktian ini mencerminkan bahawa hukum Syariah menitikberatkan keabsahan prosedur dan perlindungan terhadap hak-hak pihak yang terlibat dalam pertikaian.

Kewujudan nas-nas yang bersifat preskriptif dalam al-Quran tidak hanya memberikan panduan normatif, bahkan turut memperlihatkan kesinambungan prinsip keadilan Ilahi dalam struktur pembuktian Syariah. Oleh itu, autoriti al-Quran dalam pembuktian bukan sahaja berfungsi sebagai rujukan teoretikal, tetapi turut menjadi asas pelaksanaan amali di Mahkamah Syariah. Justeru, penerapan prinsip-prinsip pembuktian yang berpaksikan al-Quran harus dipelihara dengan teliti agar tidak menyimpang daripada semangat dan objektif asal syariat, iaitu menegakkan keadilan berlandaskan wahyu Ilahi.

Rujukan

- Alias, M. A. A., Mohd Jailani, M. R., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024). The integration of five main goals of shariah in the production of science and technology for human well-being. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 1–16. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v5i1.79>
- Al-Jassas, A. A. M. (1994). *Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Kasani, A. (t.th.). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Kasani. (t.th.). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Maraghi, A. M. (2001). *Tafsir al-Maraghi*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Mawardi, A. H. (t.th.). *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mawardi. (1996). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah* (Terj. Asadullah al-Habshi). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Nawawi, Y. (1996). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sarakhsi, M. b. A. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Sharbini, M. K. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shirazi, I. (1995). *Al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zaila'i, U. (t.th.). *Tabyin al-Haqaiq fi Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli, W. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn Abidin, M. A. (2003). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, I. U. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Al-Zuhayli, W. (2003). *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, A. (1997). *Al-Mughni*. Beirut: Dar 'Alam al-Kutub.
- Wahbah al-Zuhaili. (2003). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wan Ismail, W. A. F. (2020). *Keterangan dokumentar menurut fiqh dan undang-undang keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.